



4 Mac 2015
4 March 2015
P.U. (A) 38

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN JADUAL PERTAMA) 2015

MEMBERS OF PARLIAMENT (REMUNERATION) (AMENDMENT OF FIRST SCHEDULE) ORDER 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA AHLI PARLIMEN (SARAAN) 1980

PERINTAH AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN JADUAL PERTAMA) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 19A Jadual Pertama kepada Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [*Akta 237*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan Jadual Pertama) 2015**.

(2) Subperenggan 2(*a*) dan (*j*) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 28 September 2001.

(3) Subperenggan 2(*b*), (*c*), (*d*) dan (*e*) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2009.

(4) Subperenggan 2(*f*) dan (*g*) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.

(5) Subperenggan 2(*i*) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

Pindaan Jadual Pertama

2. Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [*Akta 237*], dipinda dalam Jadual Pertama—

(*a*) dengan menggantikan takrif bagi “Ahli atau Anggota” dengan takrif yang berikut:

‘ “Ahli atau Anggota” ertinya Anggota Pentadbiran sebagaimana ditakrifkan dalam Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan dan termasuk anggota mana-mana satu Majlis Parlimen, Yang di-Pertua dan

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang bukan Ahli Majlis itu tetapi tidak termasuk Setiausaha Politik yang bukan Ahli Parlimen dan juga tidaklah termasuk Anggota Pentadbiran sesuatu Negeri;’;

(b) dalam subperenggan 2(2), dengan menggantikan perkataan “setengah” dengan perkataan “tiga per lima”;

(c) dalam perenggan 5—

(i) dengan menggantikan subperenggan (3) dengan subperenggan yang berikut:

“(3) Tertakluk kepada perenggan 10, pencen terbitan yang diberikan di bawah subperenggan (2) hendaklah dibayar dari tarikh sebaik selepas tarikh kematian Ahli atau Anggota itu.”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “5, 6 atau 7” dalam subperenggan (4) dengan perkataan “5 atau 6”;

(d) dengan menggantikan perenggan 6 dengan perenggan yang berikut:

“Pencen terbitan jika seseorang mati selepas terhenti menjadi Ahli atau Anggota

6. (1) Tertakluk kepada perenggan 10, mulai 1 Januari 2009, jika seseorang Ahli atau Anggota mati selepas terhenti menjadi Ahli atau Anggota, orang-orang tanggungannya boleh diberi pencen terbitan sebanyak amaun yang sama dengan pencen yang dibayar atau kena dibayar kepadanya.

(2) Subperenggan (1) juga terpakai bagi orang-orang tanggungan yang menerima pencen terbitan sebelum 1 Januari 2009.”;

(e) dengan memotong perenggan 7;

(f) dalam perenggan 8, dengan menggantikan subperenggan (4) dengan subperenggan yang berikut:

“(4) Walau apa pun subperenggan (1), jika seseorang balu atau duda berkahwin dengan seseorang Ahli atau Anggota pada bila-bila masa dalam tempoh dua puluh tahun dari tarikh akhir sekali Ahli atau Anggota itu terhenti, balu atau duda itu hanya berhak mendapat pencen terbitan sahaja di bawah perenggan 6 bagi baki tempoh dua puluh tahun itu dan tidaklah berhak mendapat pencen terbitan selepas daripada itu.”;

(g) dengan memasukkan selepas subperenggan (4) subperenggan yang berikut:

“(5) Walau apa pun baki tempoh dua puluh tahun yang disebut dalam subperenggan (4), pencen terbitan itu hendaklah hanya dikira dan dibayar mulai 1 Januari 2012.”;

(h) dalam perenggan 9—

(i) dengan menomborkan semula perenggan 9 yang sedia ada sebagai subperenggan 9(1); dan

(ii) dengan memasukkan selepas subperenggan (1) yang dinomborkan semula subperenggan yang berikut:

“(2) Jika pencen terbitan dibayar kepada mana-mana orang yang layak di bawah subperenggan 8(1), dan kemudiannya seorang atau lebih orang yang layak membuat tuntutan untuk pencen terbitan tersebut, tarikh bagi pembahagian semula pencen terbitan tersebut ialah satu bulan dari tarikh tuntutan itu dibuat dan apa-apa bayaran yang telah dibuat sebelum tarikh pembahagian semula hendaklah disifatkan menjadi sah dan dibuat oleh Kerajaan dengan sempurna.”;

(i) dengan menggantikan perenggan 20 dengan perenggan yang berikut:

“20. (1) Apa-apa pencen yang diberikan di bawah perenggan 2 atau pencen terbitan yang diberikan di bawah perenggan 5 atau 6 hendaklah diselaraskan setiap tahun dengan kenaikan sebanyak dua peratus dan hendaklah dibayar mulai Januari setiap tahun.

(2) Tertakluk kepada subperenggan (1), jika Ahli atau Anggota diberi pencen hanya apabila mencapai umur lima puluh tahun oleh sebab beliau telah menjadi Ahli untuk pertama kalinya pada atau selepas 1 Julai 1990 dan terhenti menjadi Ahli atau Anggota apabila menyempurnakan tiga puluh enam bulan perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira tetapi masih belum mencapai umur lima puluh tahun pada tarikh dia terhenti menjadi Ahli atau Anggota, pencennya hendaklah diselaraskan dengan kenaikan sebanyak dua peratus bermula dari tahun kedua dia diberi pencen itu.

(3) Pencen yang telah diselaraskan di bawah subperenggan (1) hendaklah kena dibayar mulai 1 Januari 2014.

(4) Pencen atau pencen terbitan yang diberi kepada—
(a) orang yang terhenti menjadi Ahli atau Anggota; atau